

**FIQH AL-WATAN DALAM BELANJAWAN
NEGERI PAHANG 2026: ANALISIS TEMATIK
BERASASKAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH**
*Fiqh al-Watan In The Pahang State Budget 2026: A Thematic Analysis Of
Al-Quran And Al-Sunnah*

Zahin bin Mohamad Tahir ^{*1}

¹Sekolah Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim, Jalan Heman, Kg. Aman, 80350 Johor Bahru, Johor, Malaysia & Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia [ORCID ID [0009-0005-6501-3755](https://orcid.org/0009-0005-6501-3755)]

*Corresponding author: zahinmotahir@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2026-1101-07>

Article history

Received: 28/04/2026

Revised: 09/06/2026

Accepted: 16/06/2026

Published: 30/06/2026

Abstrak

Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2026 yang dibentangkan pada 5 Disember 2025 digerakkan oleh tujuh teras pembangunan. Teras pertamanya, iaitu Memartabatkan Agama Islam, Memelihara Institusi Diraja dan Mengangkat Warisan Budaya, menjadi jiwa keseluruhan belanjawan. Teras ini berakar pada warisan ketamadunan Islam Pahang yang menghampiri 556 tahun, sebagaimana yang termaktub dalam Hukum Kanun Pahang yang digubal pada zaman Sultan Abdul Ghafur Muhyiddin Syah (1592–1614). Kerangka *Fiqh al-Watan*, iaitu disiplin keilmuan Islam yang menjadikan watan sebagai pusat analisis hukum dan dasar, mendasari kajian ini menerusi tiga tonggak utamanya yang ditemakan semula sebagai tema *Daulah*, iaitu kedaulatan dan amanah pemerintahan; Syariat, iaitu keadilan dan kepatuhan syarak; serta Adat, iaitu pemeliharaan kearifan tempatan dan keseimbangan dengan alam. Walau bagaimanapun, kajian sistematik yang menghubungkan Belanjawan Negeri Pahang 2026 dengan paradigma tadbir urus dalam al-Quran dan al-Sunnah menerusi kerangka tersebut masih belum mencukupi. Justeru, artikel ini menganalisis dasar tadbir urus Negeri Pahang berpandukan reka bentuk kualitatif analisis dokumen menurut kaedah Analisis Kerangka Gale et al., dengan sembilan ayat al-Quran terpilih dan tiga hadis sahih sebagai data primer. Manakala dokumen rasmi Belanjawan Negeri Pahang 2026 dan korpus penerbitan ilmiah berkaitan dijadikan data sekunder. Dapatan menunjukkan ketiga-tiga tema mempunyai sandaran nas yang kukuh, dicerminkan dalam Hukum Kanun Pahang dan kekal sebagai paksi pelaksanaan Belanjawan 2026 walaupun terdapat beberapa aspek kritikal melibatkan aspirasi dan pelaksanaan sebenar di lapangan yang perlu diperhalusi. Sumbangan asli kajian terletak pada penghubungan antara wahyu, kanun watan dan belanjawan negeri semasa sebagai satu kesinambungan, serta penyediaan instrumen analisis *Daulah*-Syariat-Adat untuk pembinaan dasar masa hadapan.

Kata Kunci: *Fiqh al-Watan*, Hukum Kanun Pahang, Belanjawan Pahang 2026, *Maqasid al-Shari'ah*, *Siyasah Shar'iyah*

Abstract

The Pahang State Budget 2026, presented on 5 December 2025, is driven by seven developmental pillars, the first of which, Upholding Islam, Preserving the Royal Institution and Elevating Cultural Heritage, constitutes the spirit of the entire budget. This pillar is rooted in a nearly 556-year Islamic civilisational legacy of Pahang, codified in the *Hukum Kanun Pahang* during the reign of Sultan Abdul Ghafur Muhayiddin Syah (1592–1614). The framework of *Fiqh al-Watan*, the Islamic scholarly discipline that places the *watan* at the centre of legal and policy analysis, underpins this study through its three principal pillars, rearticulated as the themes of *Daulah* (sovereignty and the trust of governance), *Syariat* (justice and adherence to the Sharia) and *Adat* (preservation of local wisdom and ecological balance). Nevertheless, systematic scholarship linking the Pahang State Budget 2026 to the governance paradigm of the Quran and the Sunnah through this framework remains insufficient. Accordingly, this article analyses the governance policy of Pahang using a qualitative document-analysis design guided by Gale et al.'s Framework Analysis, with nine selected Quranic verses and three authentic hadiths as primary data, while the official Pahang State Budget 2026 document and the related scholarly corpus serve as secondary data. The findings show that the three themes possess robust scriptural grounding, are reflected in the codification of the *Hukum Kanun Pahang*, and remain the operative axis of the 2026 Budget, although several critical aspects between aspiration and actual implementation are identified. The original contribution lies in connecting revelation, watanic codification and the contemporary state budget as a continuity, and in proposing a *Daulah-Syariat-Adat* analytical instrument applicable to future policy formulation.

Keywords: *Fiqh al-Watan*, *Hukum Kanun Pahang*, Pahang Budget 2026, *Maqasid al-Shari'ah*, *Siyasah Shar'iyah*

PENGENALAN

Pahang Darul Makmur merupakan antara negeri Melayu yang mempunyai legasi pemerintahan Islam berterusan paling panjang di rantau ini, seiring dengan Kedah, Perak dan Kelantan. Penubuhan Kesultanan Pahang sekitar pertengahan abad ke-15 di bawah naungan Kesultanan Melayu Melaka membentuk satu sistem pemerintahan yang mengintegrasikan kedaulatan watan, prinsip syariah dan adat resam Melayu sebagai satu kesatuan tatacara hidup bernegara. Kesenambungan tradisi ini, yang kini menghampiri 556 tahun, memberikan Pahang kedudukan istimewa dalam wacana tadbir urus Islam Malaysia, antaranya menerusi penggubalan *Hukum Kanun Pahang* pada zaman Sultan Abdul Ghafur Muhayiddin Syah (1592 hingga 1614 Masihi), sebuah kanun bertulis kedua tertua di Alam Melayu selepas *Hukum Kanun Melaka* (Muslim et al., 2024; Wan Ahmad Fauzi, 2023a).

Hukum Kanun Pahang yang mengandungi 93 fasal ini bukan sekadar dokumen perundangan, malah rakaman bertulis terhadap kerangka pemerintahan yang menjadikan Sultan sebagai khalifah pelaksana *amr bi al-ma'ruf wa nahy 'an al-munkar*, serta meletakkan keadilan, amanah dan adat resam sebagai tiga paksi tadbir urus negeri (Yaakub Isa, 2003; Wan Ahmad Fauzi, 2023a). Dalam syarahan di St Antony's College, Universiti Oxford pada 13 November 2025 bertajuk Pahang: The Forgotten Malay-Islamic Constitutional and Maritime Legacy, Tengku Ampuan Pahang menggambarkan dokumen ini sebagai *the written heartbeat of a sovereign Malay-Islamic world*, manakala Sultan Abdul Ghafur diiktiraf sebagai *the architect of Malay-Islamic constitutionalism* (Oxford Podcasts, 2025; Istana Pahang, 2025). Pengiktirafan antarabangsa sebegini memperteguh hujah bahawa tadbir urus berasaskan syariah di Pahang bukan sekadar warisan masa lalu, sebaliknya tradisi hidup yang masih membentuk realiti pemerintahan kontemporari.

Dalam konteks semasa, Kerajaan Negeri Pahang di bawah Menteri Besar Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail membentangkan Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2026 pada

5 Disember 2025, bertemakan *Pahang 1st*: Rakyat Didahulukan, Kemakmuran Dipertahankan, dengan sasaran hasil RM1.279 bilion, perbelanjaan mengurus RM1.274 bilion dan perbelanjaan pembangunan RM446.26 juta (Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang, 2025). Belanjawan ini digerakkan oleh tujuh teras, iaitu (1) Memartabatkan Agama Islam, Memelihara Institusi Diraja dan Mengangkat Warisan Budaya; (2) Mengukuhkan Pertumbuhan Ekonomi Mampan; (3) Pembangunan Modal Insan dan Pendidikan; (4) Memartabat Pembangunan Pertanian dan Industri Asas Tani; (5) Memastikan Tadbir Urus Dinamik, Berprestasi Tinggi dan Berintegriti; (6) Kelestarian Alam Sekitar; serta (7) Menyejahterakan Rakyat. Penyenaraian ini penting kerana analisis seterusnya merujuk teras-teras berkenaan. Yang lebih bermakna ialah pengakuan Menteri Besar bahawa Kerajaan Negeri sentiasa membudayakan prinsip *Maqasid Syariah*, iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta, sebagai panduan utama dalam setiap keputusan (Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang, 2025: perenggan 13), satu pengakuan yang membuka ruang akademik untuk menguji sejauh mana keselarasan tersebut dapat dibuktikan secara sistematik.

Selari dengan hala tuju ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM3 juta khusus untuk Program Pemerksaan *Fiqh al-Watan* pada 2026, dilaksanakan menerusi Institut Ilmu Darul Makmur, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (IIDM-MUIP), bagi menyemarakkan kefahaman fiqh, jati diri kenegaraan dan semangat *hubb al-watan* (Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang, 2025: perenggan 32). Konsep *Fiqh al-Watan* yang digagaskan secara sistematik oleh Wan Ahmad Fauzi (2017, 2023a) merujuk satu kerangka keilmuan Islam yang menjadikan watan, dengan dimensi sejarah, institusi, adat dan kedaulatannya, sebagai pusat analisis dalam pembinaan hukum dan dasar. Kerangka ini menampung tiga tonggak iaitu Kesultanan, Adat Resam dan Alam Sekitar. Dalam kajian ini, ia ditemakan semula sebagai *Daulah*, Syariat dan Adat menerusi paksi al-Quran dan al-Sunnah.

Walaupun wacana akademik mengenai Hukum Kanun Pahang dan *Fiqh al-Watan* semakin menyerlah, satu jurang masih belum diisi. Kajian sedia ada cenderung memfokuskan teks sejarah dan perlembagaan tradisional (Wan Ahmad Fauzi, 2023a; Muslim et al., 2024), manakala dasar awam kontemporari seperti belanjawan negeri masih kurang dianalisis menerusi lensa al-Quran dan al-Sunnah secara sistematik. Kelompongan ini bersifat substantif, kerana tanpa analisis sedemikian, dakwaan bahawa sesuatu belanjawan selari dengan syariah sukar dibezakan daripada keselarasan yang bersifat retorik. Lebih khusus, hubungan tiga lapisan antara nas wahyu, kanun watan tradisional dan belanjawan negeri semasa belum dibincangkan sebagai satu kesinambungan yang utuh. Selari dengan kerangka *al-qawiy al-amin* yang dikembangkan oleh Haziya et al. (2025), kajian ini memperluaskan analisis tematik al-Quran daripada dimensi karakter pemimpin individu kepada dimensi struktur belanjawan negeri.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan, pertama, menganalisis paradigma tadbir urus dalam al-Quran dan al-Sunnah menerusi tiga tema teras *Daulah*, Syariat dan Adat. Kedua, mengenal pasti kesinambungan paradigma tersebut dalam Hukum Kanun Pahang sebagai dokumen perlembagaan watan tradisional. Ketiga, menilai sejauh mana paradigma yang sama dicerminkan dalam tujuh teras Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2026. Keempat, mengenal pasti aspek kritikal antara aspirasi dasar dan pelaksanaan sebenar. Pemilihan tema *Daulah*, Syariat dan Adat berpaksikan dua pertimbangan yang saling melengkapi. Dari sudut teori, ketiga-tiganya merupakan pengolahan semula tiga tonggak *Fiqh al-Watan* menerusi paksi al-Quran dan al-Sunnah. Dari sudut dasar, ia selari dengan visi rasmi Pahang Darul Makmur sebagai *Daulah* Islam Berdaulat, Bersyariat dan Beradat (IIDM-MUIP, 2025), menjadikan kerangka analisis ini relevan secara serentak pada peringkat keilmuan dan pelaksanaan dasar negeri.

SOROTAN LITERATUR

Fiqh al-Watan sebagai Kerangka Konseptual Kontemporari

Fiqh al-Watan merupakan gagasan intelektual yang dibangunkan oleh Wan Ahmad Fauzi menerusi disertasi sarjana (2013) dan kedoktoran (2017) di Universiti Kebangsaan Malaysia (Wan Ahmad Fauzi, 2017). Perkataan watan di sini bukan sekadar tanah air dalam pengertian literal, sebaliknya merujuk keseluruhan kebijaksanaan tempatan yang meliputi peradaban, bahasa, adat resam, falsafah, warisan, pandangan dunia dan sikap yang berakar umbi di sesebuah tempat. Konsep ini berkembang daripada metodologi Jurisprudens Watan yang berfungsi sebagai mekanisme pembebasan epistemologi daripada pengaruh ilmu kolonial (Wan Ahmad Fauzi, 2026).

Faktor yang membezakan *Fiqh al-Watan* daripada pendekatan fiqh konvensional ialah kedudukan watan sebagai subjek analisis utama, bukan sekadar konteks pelaksanaan. Wan Ahmad Fauzi (2023a) menjelaskan bahawa walaupun para fuqaha lampau telah menggunakan kaedah seperti *tahqiq al-manat*, *maslahah mursalah* dan *'urf sahib*, kaedah tersebut berfungsi sebagai instrumen teknikal dalam *usul al-fiqh* dan bukan asas kepada satu kerangka teori berpusatkan watan. *Fiqh al-Watan* pula merumuskan kedaulatan, sistem perlembagaan, sejarah pembentukan negeri, kesinambungan identiti dan amanah pemerintahan sebagai elemen intrinsik kepada aplikasi hukum Islam dalam realiti kenegaraan.

Dalam konteks Pahang, IIDM-MUIP (2025) merumuskan bahawa *Fiqh al-Watan* beroperasi menerusi tiga tonggak iaitu Kesultanan, Adat Resam dan Alam Sekitar, serta menyasarkan tiga *maqasid* iaitu Kedaulatan, Kerukunan dan Kelestarian. Tema kajian ini, iaitu *Daulah*, Syariat dan Adat, merupakan rumusan semula ketiga-tiga tonggak tersebut menerusi paksi al-Quran dan al-Sunnah. Penggunaan al-Quran sebagai kerangka penilaian dasar kontemporari semakin diterima, sebagaimana ditunjukkan Haziyyah et al. (2025) menerusi kerangka *al-qawiy al-amin*, iaitu gabungan kompetensi (*al-qawiy*) dan integriti (*al-amin*) yang berasal daripada Surah al-Qasas (28):26, yang menyediakan kriteria al-Quran bagi menilai keupayaan dan kebolehpercayaan pelaksana dasar negeri.

Tadbir Urus dalam Paradigma Al-Quran dan Al-Sunnah

Tadbir urus dalam tradisi Islam berdiri di atas dua sumber utama, iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Bahagian ini menyorot wacana keilmuan berkaitan tadbir urus Islam, iaitu disiplin *Siyasah Shar'iyah*, *Maqasid al-Shari'ah* dan kerangka *Fiqh al-Watan*, manakala huraian tafsir terperinci bagi setiap ayat dan hadis dibentangkan dalam bahagian Dapatan Kajian.

Pada peringkat sistematik, *Siyasah Shar'iyah* merujuk disiplin yang menumpukan pengurusan hal ehwal negara berlandaskan prinsip syariah. Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1953) mendefinisikannya sebagai sebarang tindakan yang membawa manusia lebih hampir kepada kebaikan dan menjauhkan kerosakan, walaupun tidak dinyatakan secara jelas dalam wahyu, manakala al-Mawardi (1996) merumuskan sepuluh tanggungjawab utama pemerintah termasuk memelihara agama, menegakkan keadilan dan mengutip zakat. Mahmood Zuhdi (1994) menegaskan bahawa kerangka ini membolehkan pemerintah Islam menyelaraskan keperluan semasa dengan prinsip syariah, manakala Kamali (2008) menambah bahawa dalam negara moden ia perlu beroperasi serentak dengan instrumen perundangan kontemporari, bukan sebagai alternatif kepadanya.

Maqasid al-Shari'ah pula merujuk matlamat yang ingin dicapai menerusi pelaksanaan hukum Islam. Al-Ghazali (t.t.) dan al-Shatibi (1997) merumuskan lima objektif utama, iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Ibn 'Ashur (2006) mencadangkan bahawa *maqasid* bukan sekadar kerangka klasifikasi hukum tetapi boleh dijadikan instrumen analisis dasar awam, manakala Auda (2008) memperhalusinya menerusi pendekatan sistem yang membolehkan *maqasid* digunakan sebagai alat penilaian dalam domain dasar fiskal dan tadbir urus. Walau bagaimanapun, Hallaq (2013) memberi amaran bahawa pengaplikasian *maqasid* kepada negara moden harus

disertai kesedaran terhadap perbezaan struktural antara negara *siyasi* pra-moden dan negara bangsa kontemporari, kerana meminjam nama syariah bagi dasar moden tanpa transformasi struktur boleh menghasilkan percanggahan ilmu. Pandangan kritikal ini relevan untuk analisis yang berikut.

Hukum Kanun Pahang sebagai Aplikasi Sejarah Paradigma Tadbir Urus Syariah

Hukum Kanun Pahang ialah dokumen perundangan bertulis yang digubal antara 1592 hingga 1614 Masihi pada zaman Sultan Abdul Ghafur Muhyiddin Syah, Sultan Pahang ke-12. Dokumen 93 fasal ini merangkumi pelbagai bidang, iaitu pemerintahan dan pentadbiran sultan, undang-undang jenayah (termasuk *budud* dan *qisas*), sivil, acara dan keterangan, keagamaan, antarabangsa, percukaian dan laut (Muslim et al., 2024; Yaakub, 2003). Kanun ini dimasukkan ke dalam Senarai Warisan Kebangsaan Malaysia pada 2012, satu pengiktirafan formal terhadap nilainya sebagai dokumen warisan tamadun.

Keistimewaan Hukum Kanun Pahang dari sudut tadbir urus Islam terletak pada peruntukan jelas yang meletakkan Sultan sebagai khalifah yang menjalankan *amr bi al-ma'ruf wa nahy 'an al-munkar*, dan menyandarkan kedudukan Sultan kepada nas al-Quran dan al-Hadis (Wan Ahmad Fauzi, 2023a). Petikan daripada risalah Hukum Kanun menggambarkan kedudukan tersebut dengan jelas:

...bahawa dijadikan aku daripada umat kekasih-Nya Nabi Muhammad sallaLlahu 'alaihi wa sallam, yang ia penghulu segala Rasul-Nya, dititahkan ia kesudah-sudahan segala firman-Nya dan menashhkan segala syari'at yang dahulu itu berbuat adil serta melakukan amr bi al-ma'ruf wa nahy 'an al-munkar; maka jadi teranglah segala alam dengan cahaya agamanya...(Wan Ahmad Fauzi, 2023a).

Petikan ini menunjukkan bahawa pemerintahan Pahang abad ke-16 meletakkan tugas pemerintah sebagai pelaksana keadilan dan penegak prinsip al-Quran sebagai paksi rujukan, tanpa memisahkan urusan kenegaraan daripada wahyu. Wan Ahmad Fauzi (2023a) menjelaskan bahawa Hukum Kanun Pahang memenuhi ciri sebuah perlembagaan moden, iaitu mengandungi sistem undang-undang, struktur organ pentadbiran, pengagihan kuasa eksekutif, serta hubungan antara pemerintah dan rakyat, dengan Islam sebagai paksi falsafahnya. Ini menjadikan Pahang antara contoh awal di Alam Melayu, seiring Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Kedah, yang menjelmakan apa yang kini disebut konstitusionalisme Melayu-Islam (Muslim et al., 2024).

Penyelidikan mutakhir oleh Wan Ahmad Fauzi (2023b) tentang keperlembagaan seksyen 498 Kanun Keseksaan menunjukkan bahawa intipati syariah dalam Hukum Kanun Pahang masih relevan sebagai asas pentafsiran perundangan Malaysia kontemporari. Pada landasan yang sama, Nur Hafilah et al. (2025) menganalisis pelaksanaan hudud di Malaysia berdasarkan kerangka perlembagaan dan *Maqasid al-Shari'ah*, lalu memperlihatkan bahawa pembacaan hukum syarak dalam negara moden menuntut kesepaduan antara nas, peruntukan perlembagaan dan objektif syariah. Muslim et al. (2024) pula mengesahkan bahawa Hukum Kanun Pahang terus memberi impak terhadap struktur sosial masyarakat Malaysia, terutamanya menerusi pemeliharaan institusi Kesultanan Melayu.

Walaupun wacana ini telah berkembang, kajian sedia ada (Muslim et al., 2024; Wan Ahmad Fauzi, 2023a, 2026; Nur Hafilah et al., 2025) tertumpu pada dimensi sejarah, perlembagaan, perundangan jenayah dan konseptual. Belum terdapat kajian yang menghubungkan paradigma tadbir urus al-Quran dan al-Sunnah dengan Hukum Kanun Pahang sebagai aplikasi sejarah, dan seterusnya dengan dasar fiskal kontemporari seperti Belanjawan Negeri Pahang 2026 sebagai aplikasi semasa. Ketiadaan kajian tiga lapis ini bermakna kesinambungan paradigma syariah daripada wahyu kepada kanun dan akhirnya kepada dasar semasa belum dibuktikan secara sistematik. Justeru, kajian ini berusaha menguji sama ada keselarasan antara dasar fiskal negeri dengan syariah benar-benar berstruktur dan boleh dijejaki sumbernya, ataupun hanya bersifat

retorik. Pembuktian ini turut diharap berfungsi sebagai instrumen penilaian berkala bagi kerajaan negeri menyemak keselarasan belanjawan dengan *Maqasid al-Shari'ah*.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berasaskan analisis dokumen berpandukan kaedah Analisis Kerangka sebagaimana dikemaskinikan oleh Gale et al. (2013). Reka bentuk ini bersifat hibrid kerana kaedah Analisis Kerangka berfungsi sebagai tulang belakang prosedur, manakala ruh *Tafsir Mawdu'i* diterapkan pada peringkat pentafsiran nas wahyu. Analisis Kerangka dipilih kerana menyediakan protokol bertahap untuk menganalisis data tekstual dengan kerangka konseptual yang ditetapkan awal, satu ciri yang sesuai untuk memetakan secara deduktif tema *Daulah*, Syariat dan Adat kepada sumber pelbagai, iaitu nas wahyu, kanun watan dan belanjawan negeri. Langkah analitik mengikut tujuh peringkat Gale et al. (2013), iaitu pembiasaan dengan data, pengkodan, pembinaan kerangka analitik, pengaplikasian kerangka, pemetaan dalam matriks, pentafsiran, dan pengesahan.

Pemilihan Analisis Kerangka berbanding *Tafsir Mawdu'i* klasik memerlukan kewajaran metodologi memandangkan kedua-duanya berbeza skop (al-Farmawi, 1977; al-Khalidi, 1997). *Tafsir Mawdu'i* mengumpulkan ayat al-Quran berdasarkan tema dan mentafsirnya secara bersepadu, dan menjadi kaedah utama dalam pengajian al-Quran kontemporari. Namun kajian ini bukan kajian tafsir semata-mata, sebaliknya kajian merentas disiplin yang menghubungkan nas wahyu dengan dokumen perundangan sejarah dan dasar fiskal moden. Justeru pendekatan hibrid diambil, iaitu analisis nas menerima pakai *Tafsir Mawdu'i* dengan merujuk karya tafsir muktabar, manakala pemetaan tiga lapis menggunakan protokol Analisis Kerangka yang lebih sesuai untuk dokumen berbilang lapisan, seterusnya menjamin ketekalan metodologi bagi data wahyu dan ketelusan prosedur bagi data dasar.

Sumber Data

Sumber data dibahagikan kepada dua kategori. Sumber primer terdiri daripada sembilan ayat al-Quran terpilih dan tiga hadis sahih daripada *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*, sebagaimana disenaraikan dalam Jadual 1. Pemilihan dilakukan secara bertujuan berdasarkan tiga kriteria, iaitu kekerapan rujukan dalam karya *maqasid* dan *Siyasah Shar'iyyah* (sekurang-kurangnya tiga karya muktabar), kerelevanan kandungan dengan tema *Daulah*, Syariat atau Adat, serta kekuatan sandaran kepada peruntukan tertentu dalam Hukum Kanun Pahang atau Belanjawan 2026. Bagi setiap ayat, rujukan dibuat kepada sekurang-kurangnya satu tafsir klasik dan satu tafsir kontemporari, manakala bagi hadis dirujuk *sharh* muktabar seperti Fath al-Bari dan *Sharh Sahih Muslim*. Nombor hadis disahkan secara silang menerusi pangkalan data sunnah.com.

Jadual 1: Senarai Ayat Al-Quran Hadis Sahih sebagai Data Primer Kajian

Bil.	Tema	Sumber	Rujukan	Fokus Tafsir/Sharh
1	<i>Daulah</i>	Surah al-Nisa'	Ayat 58	Amanah pemerintahan dan keadilan hukum
2	<i>Daulah</i>	Surah al-Shura	Ayat 38	<i>Musyawarah</i> dalam pemerintahan
3	<i>Daulah</i>	Surah al-Hajj	Ayat 41	Empat tugas teras pemerintah
4	<i>Daulah</i>	Hadis	Bukhari 7138; Muslim 1829	Ibn 'Umar — <i>kullukum ra'in</i>
5	Syariat	Surah al-Maidah	Ayat 8	Keadilan tanpa tolak ansur
6	Syariat	Surah al-Hashr	Ayat 7	Larangan kekayaan dalam kalangan kaya
7	Syariat	Surah al-Nahl	Ayat 90	Perintah berlaku adil dan ihsan
8	Syariat	Hadis	Bukhari 7150; Muslim 142	Ma'qil bin Yasar — pemimpin khianat
9	Adat	Surah al-Baqarah	Ayat 30	<i>Istikhlaf</i> — manusia khalifah
10	Adat	Surah al-A'raf	Ayat 96	Keberkatan negeri yang beriman
11	Adat	Surah al-Rum	Ayat 41	Kerosakan akibat tangan manusia

12	Adat	Hadis	Bukhari 2320; Muslim 1553	Anas bin Malik — menanam pokok
----	------	-------	---------------------------	--------------------------------

Jadual 1 menyenaraikan sembilan ayat al-Quran dan tiga hadis sahih yang menjadi data primer kajian. Ia dikelompokkan kepada tiga tema teras, iaitu *Daulah*, Syariat dan Adat, beserta padanan awal setiap nas kepada dimensi tadbir urus yang dianalisis dalam bahagian seterusnya.

Sumber sekunder merangkumi tiga set dokumen. Set pertama ialah Hukum Kanun Pahang sebagaimana dianalisis dalam Yaakub Isa (2003), Wan Ahmad Fauzi (2023a) dan Muslim et al. (2024). Set kedua ialah dokumen rasmi Belanjawan Negeri Pahang 2026, termasuk teks ucapan Menteri Besar setebal 47 muka surat. Set ketiga ialah korpus penerbitan ilmiah berkaitan *Maqasid al-Shari'ah*, *Siyasah Shar'iyah* dan *Fiqh al-Watan*, termasuk penerbitan terkini dalam jurnal berwasit.

Prosedur Analisis

Prosedur analisis mengikut tujuh peringkat Analisis Kerangka (Gale et al., 2013) dengan pengubahsuaian untuk konteks pengajian Islam. Peringkat pertama, suai kenal data menerusi pembacaan berulang korpus primer dan sekunder. Kedua, pengekodan awal menjana kod berdasarkan tiga tema teori, iaitu *Daulah*, Syariat dan Adat, bersama kod muncul daripada teks. Ketiga, pembangunan kerangka analitik dengan tiga tema teras dipetakan kepada lima objektif *Maqasid al-Shari'ah*. Keempat, pengaplikasian kerangka kepada keseluruhan data menerusi matriks pengekodan. Kelima, pemetaan data membina matriks padanan tiga lapis. Keenam, pentafsiran tematik dengan triangulasi sumber. Ketujuh, pengesahan menerusi triangulasi sumber, jejak audit setiap keputusan pengekodan, dan rujukan silang kepada penerbitan dinilai tara.

Memandangkan analisis dijalankan oleh seorang pengkaji, kebolehpercayaan intra-pengkod dengan jarak dua minggu dilaksanakan untuk mengurangkan bias subjektif (Gale et al., 2013), dengan konsistensi dinilai melalui perbandingan keputusan pengekodan pertama dan kedua dan ketidakselarasan diselesaikan menerusi rujukan kembali kepada definisi operasi setiap tema. Penulis mengakui bahawa ketiadaan pengkaji kedua merupakan limitasi yang perlu ditangani dalam kajian susulan, sama ada melalui replikasi oleh pengkaji bebas atau panel pakar.

Pengakuan Limitasi Sumber Primer Hukum Kanun Pahang

Satu limitasi metodologi yang perlu dinyatakan ialah akses kepada sumber primer Hukum Kanun Pahang. Manuskrip asal disimpan di Muzium Negeri Pahang, manakala transkripsi penuh 93 fasal beredar menerusi karya Yaakub Isa (2003) dan rujukan sekunder lain. Kajian ini merujuk peruntukan kanun terutamanya menerusi analisis sekunder Wan Ahmad Fauzi (2023a) dan Muslim et al. (2024), kedua-duanya rujukan standard dalam wacana kontemporari. Pendekatan ini diterima dalam analisis dokumen yang memfokuskan pemetaan tematik, bukan pembinaan semula tekstual atau analisis filologi (Bowen, 2009), namun padanan terperinci kepada fasal spesifik dicadangkan sebagai sambungan kajian dengan akses langsung kepada manuskrip.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membentangkan dapatan analisis tematik bagi tiga tema teras: *Daulah*, Syariat dan Adat. Setiap tema dianalisis menerusi ayat al-Quran dan hadis sahih terpilih, dipetakan kepada peruntukan Hukum Kanun Pahang sebagaimana yang dianalisis dalam sumber sekunder, dan dirujuk silang dengan teras-teras Belanjawan Negeri Pahang 2026. Matriks padanan tiga lapis dipersembahkan pada akhir bahagian dalam Jadual 2.

Tema *Daulah*: Kedaulatan dan Amanah Pemerintahan

Tema *Daulah* merujuk paksi kedaulatan dan amanah pemerintahan dalam pengertian Islam (Wan Ahmad Fauzi, 2023a; IIDM-MUIP, 2025). Dalam konteks tadbir urus, *Daulah* bukan hanya kekuasaan politik dalam pengertian sekular, sebaliknya merangkumi seluruh tanggungjawab amanah yang diserahkan kepada pemerintah untuk dilaksanakan menurut wahyu. Tiga ayat al-Quran dan satu hadis dianalisis untuk membentangkan paradigma ini, iaitu al-Nisa' (4):58 tentang amanah, al-Shura (42):38 tentang musyawarah, al-Hajj (22):41 tentang empat tugas teras pemerintah, serta hadis Ibn Umar tentang tanggungjawab pemimpin.

1. Surah al-Nisa': (4:58) - Amanah sebagai Asas Kedaulatan

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

Ibn Kathir (1999) menjelaskan bahawa skop ayat ini sangat luas, merangkumi amanah peribadi sehingga amanah pelantikan jawatan awam dan pengurusan kewangan negara, dengan menukikan riwayat Ibn Abbas bahawa *al-amanat* mencakupi amanah Allah ke atas hamba, amanah sesama hamba, dan amanah pemerintah ke atas rakyat. Sayyid Qutb (2003) pula menyifatkannya sebagai tonggak utama pemerintahan, lalu menegaskan bahawa kemungkinan amanah dan keadilan dalam keputusan pentadbiran meruntuhkan struktur masyarakat Islam.

Dalam Hukum Kanun Pahang, prinsip amanah ini termaktub dalam fasal-fasal berkaitan kewajipan Sultan dan pegawai negeri seperti mangkubumi, bendahari, temenggung, hulubalang, syahbandar dan menteri (Wan Ahmad Fauzi, 2023a). Petikan asal kanun menyebut bahawa Sultan diamanahkan untuk berbuat adil serta melakukan *amr bi al-ma'ruf wa nahy 'an al-munkar*, merupakan pengakuan jelas bahawa amanah pemerintahan ialah amanah syariah dan bukan sekadar amanah politik. Muslim et al. (2024) menambah bahawa keseluruhan struktur 93 fasal kanun ini merangkumi pengagihan kuasa, tanggungjawab ke atas hasil negeri dan akauntabiliti pemerintah, kesemuanya merupakan pelaksanaan praktikal al-Nisa' (4):58.

Dalam Belanjawan Negeri Pahang 2026, paradigma amanah ini dicerminkan dalam Teras Kelima, iaitu Memastikan Tadbir Urus Dinamik, Berprestasi Tinggi dan Berintegriti. Pencapaian Sijil Ketua Audit Negara bagi Pendapat Tanpa Teguran untuk Penyata Kewangan Tahun 2024 (Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang, 2025: perenggan 19) merupakan bukti empirikal bahawa amanah kewangan dilaksanakan dengan ketelusan. Peruntukan untuk kajian rancangan struktur dan polisi serta transformasi digital dan e-Rakyat (perenggan 95, 99–101) memperlihatkan usaha berterusan menterjemah amanah pemerintahan kepada bentuk yang boleh diaudit dan dipersoal oleh rakyat.

2. Surah al-Shura: (42:38) - Musyawarah sebagai Asas Pemerintahan

... وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ ...

Maksudnya: ...dan urusan mereka dijalankan secara bermusyawarah sesama mereka...

Ibn Kathir (1999) menjelaskan bahawa ayat ini menuntut agar urusan umat, baik peribadi mahupun kenegaraan, diselesaikan menerusi perundingan bersama dan bukan secara sewenang-wenangnya, dengan menukikan amalan Saidina Umar yang tidak memutuskan urusan besar

negara tanpa majlis *syura*. Quraish Shihab (2002) menegaskan bahawa ayat ini, walaupun diturunkan di Mekah, menjadi asas konstitusional kepada pemerintahan Rasulullah SAW dan para khulafa al-rashidin. Al-Mawardi (1996) menggariskan *ahl al-shura* sebagai institusi formal negara Islam, manakala Kamali (2008) menterjemahkannya dalam konteks moden menerusi institusi parlimen dan mekanisme libat urus rakyat.

Hukum Kanun Pahang menterjemahkan prinsip *syura* ini menerusi struktur pentadbiran berperingkat yang meletakkan Sultan didampingi majlis mangkubumi, bendahari, temenggung, hulubalang, syahbandar dan menteri (Wan Ahmad Fauzi, 2023a). Struktur ini bukan sekadar upacara istana, sebaliknya mekanisme operasi yang memastikan keputusan negara dirumus menerusi perbincangan kolektif dan tidak bergantung mutlak kepada kehendak Sultan. Muslim et al. (2024) membacanya sebagai satu bentuk konstitusionalisme awal yang mengiktiraf rundingan sebagai paksi tadbir urus, satu bukti praktikal nas al-Shura (42):38 dalam tradisi pemerintahan Melayu-Islam.

Dalam Belanjawan 2026, paradigma *syura* dicerminkan dalam beberapa inisiatif penglibatan bersama. Sesi Libat Urus e-Rakyat (perenggan 101) memusatkan maklumat bantuan rakyat secara telus, Program Sentuhan Rakyat Makmur (perenggan 124) membolehkan rakyat menyuarakan isu dan keperluan secara langsung kepada Kerajaan Negeri, manakala Karnival dan Jelajah Aspirasi *Pahang 1st* (perenggan 126–127) membuka saluran perundingan dua hala. Kesemuanya boleh dibaca sebagai usaha mewujudkan ruang *syura* moden. Walau bagaimanapun, mekanisme yang lebih substantif, seperti adaptasi moden institusi *mazalim* klasik, masih boleh dipertimbangkan untuk meningkatkan pertanggungjawaban pemerintah (al-Mawardi, 1996).

3. Surah al-Hajj: (22:41) - Empat Tugas Teras Pemerintah

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَقِيبُ الْأُمُورِ

Maksudnya: (Iaitu) orang-orang (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.

Ibn Kathir (1999) menjelaskan bahawa empat tugas dalam ayat ini, iaitu mendirikan solat, menunaikan zakat, menyuruh kepada makruf dan mencegah kemungkaran, bukan sekadar tugas keagamaan tetapi rangka kerja tadbir urus menyeluruh yang merangkumi pemeliharaan agama, pengukuhan ekonomi sosial serta pembangunan akhlak dan keadilan. Ibn 'Ashur (2006) membacanya sebagai rumusan padat *Maqasid al-Shari'ah* dalam pemerintahan, manakala Auda (2008) menjadikannya instrumen penilaian dasar awam.

Hukum Kanun Pahang menunjukkan keselarasan dengan paradigma al-Hajj (22):41. Petikan kanun yang menyebut Sultan diamanahkan berbuat adil serta melakukan *amr bi al-ma'ruf wa nahy 'an al-munkar* (Wan Ahmad Fauzi, 2023a) merupakan bukti dua daripada empat tugas dalam ayat ini. Muslim et al. (2024) mencatatkan bahawa fasal berkaitan kutipan zakat dan pengurusan harta negeri melaksanakan tugas *ita' al-zakah*, manakala fasal pembinaan masjid dan urusan keagamaan melaksanakan *iqamat al-salah*, sehingga keseluruhan struktur kanun boleh dibaca sebagai pelaksanaan empat tugas dalam al-Hajj (22):41.

Dalam Belanjawan 2026, padanan dengan al-Hajj (22):41 amat ketara. Teras Pertama memenuhi tugas *iqamat al-salah* menerusi peruntukan RM235.95 juta bagi hal ehwal agama Islam, satu peningkatan 20.35 peratus berbanding 2025 (perenggan 26), termasuk pembinaan masjid dan kompleks pejabat agama, penurunan yuran sekolah agama, serta pembinaan sekolah agama baharu (perenggan 30–33). Inisiatif yang paling menonjol ialah peruntukan RM20 juta bagi transformasi UnIPSAS sebagai Universiti Al-Quran (perenggan 35), selaras dengan aspirasi melahirkan generasi yang bukan sahaja berilmu tetapi berakar kepada wahyu sebagai panduan utama kehidupan (perenggan 34).

Tugas *ita' al-zakah* dalam pengertian pemerataan kekayaan dilaksanakan menerusi Teras Ketujuh, iaitu keseluruhan Inisiatif Makmur Pahang sebanyak RM63.83 juta yang dibahagikan kepada Kluster Pelajar, Agama, B40 dan Umum bagi menjangkau semua lapisan rakyat. Tugas *amr bi al-ma'ruf wa naby 'an al-munkar* pula terlihat dalam Program Pemerkasaan *Fiqh al-Watan* (perenggan 32) yang mengukuhkan pegangan *Abli Sunnah wal-Jama'ah*, seruan Menteri Besar menolak fahaman menyeleweng dan gerakan ekstrem (perenggan 38) sebagai *naby 'an al-munkar* akidah, serta peruntukan untuk Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM), Persatuan PENGASIH Malaysia dan Drugs Intervention Community (perenggan 152) sebagai *naby 'an al-munkar* sosial.

4. Hadis Ibn 'Umar - Setiap Pemimpin Adalah Bertanggungjawab

Sabda Rasulullah SAW:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksudnya: “Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan dipersoal tentang kepemimpinannya...”. (al-Bukhari, 2001, No. 7138; Muslim, 1991, No. 1829. Muttafaq ‘alayh)

Ibn Hajar al-'Asqalani (2001) mengulas bahawa hadis ini menggariskan prinsip akauntabiliti yang menyeluruh, iaitu setiap pemegang tanggungjawab, daripada pemimpin negara hingga ketua keluarga, akan dipersoal di hadapan Allah, sehingga tiada jawatan dalam negara Islam yang terlepas daripada pertanggungjawaban *shar'i*. Penekanan ini selari dengan kerangka *al-qawiy al-amin* oleh Haziyah et al. (2025) yang menggandingkan kompetensi (*al-qawiy*) dan integriti (*al-amin*) sebagai dua paksi tadbir urus yang tidak terpisah. Pertanggungjawaban yang adil hanya menjadi kenyataan apabila pemimpin memiliki kompetensi untuk melaksanakan amanah dan integriti untuk melaksanakannya tanpa khianat, sekali gus menjadikan tanggungjawab kepemimpinan sesuatu yang boleh diukur dan dinilai.

Dalam Belanjawan 2026, dimensi akauntabiliti ini dirakamkan secara tersirat menerusi pengiktirafan kepada penjawat awam Negeri dan Persekutuan sebagai tulang belakang pentadbiran (perenggan 102), termasuk Bantuan Khas Kewangan satu bulan gaji dan Insentif Khas *Pahang 1st* kepada kakitangan Persekutuan berpendapatan rendah (perenggan 103–104). Walau bagaimanapun, paksi sebenar hadis Ibn Umar ialah akauntabiliti, bukan ganjaran, maka peruntukan tersebut perlu disertai mekanisme pengukuran prestasi yang ketat, satu aspek yang sebahagiannya ditangani oleh Anugerah *Pahang 1st* dan Sesi Libat Urus e-Rakyat (perenggan 100–101).

Sintesis Tema *Daulah* menunjukkan bahawa paksi amanah pemerintahan dalam al-Quran dan al-Sunnah, sebagaimana yang dirumuskan dalam al-Nisa' (4):58, al-Shura (42):38, al-Hajj (22):41 dan hadis Ibn 'Umar, mempunyai kesinambungan secara langsung dengan Hukum Kanun Pahang dan dengan beberapa teras Belanjawan 2026 terutamanya Teras Pertama (memartabatkan agama), Teras Kelima (tadbir urus berintegriti) dan Teras Ketujuh (kesejahteraan rakyat).

Tema Syariat: Keadilan dan Pengagihan Harta

Tema Syariat merujuk paksi keadilan, pengagihan harta dan kepatuhan kepada syariat dalam pelaksanaan dasar negeri (Wan Ahmad Fauzi, 2023a; IIDM-MUIP, 2025). Tiga ayat dipilih untuk membentangkan paradigma ini, iaitu al-Maidah (5):8 tentang keadilan tanpa tolak ansur, al-Hashr (59):7 tentang larangan kekayaan beredar dalam kalangan orang kaya sahaja, dan al-Nahl (16):90 tentang perintah adil dan ihsan, serta hadis Ma'qil bin Yasar tentang pemimpin yang khianat.

1. Surah al-Maidah: (5:8) - Keadilan sebagai Tuntutan Mutlak

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوْمِينَ لِلّٰهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۚ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا ۚ اَعْدِلُوا هُوَ اَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۚ وَاتَّقُوا اللّٰهَ ۚ إِنَّ اللّٰهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua); kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Ibn Kathir (1999) menjelaskan bahawa ayat ini memberi peringatan keras agar emosi peribadi atau prejudis kelompok tidak mempengaruhi pelaksanaan keadilan, dengan frasa *shana'an qawm* merangkumi setiap bentuk bias sama ada berasaskan kaum, agama, status sosial mahupun politik. Wahbah al-Zuhayli (1991) mengaitkannya dengan konsep '*adalah hakimiyah*' yang menjadikan ketakwaan sebagai pengukur, manakala Mahmood Zuhdi (1994) menjadikannya asas teori bagi pelaksanaan *Siyasah Shar'iyah* yang tegas walaupun terhadap pihak yang dibenci.

Hukum Kanun Pahang menjadikan keadilan sebagai tema berulang. Petikan asal kanun (Wan Ahmad Fauzi, 2023a) menyebut Sultan diamanahkan untuk berbuat adil sebagai sifat utama pemerintahan. Muslim et al. (2024) mencatatkan bahawa fasal-fasal sivil dan jenayah menyusun proses pengadilan menerusi struktur berperingkat dengan Sultan sebagai hakim tertinggi, *qadi* sebagai pelaksana hukum syarak, dan penghulu sebagai pemutus pertikaian peringkat kampung, bagi memastikan keadilan menjangkau lapisan rakyat biasa dan bukan terhad kepada elit, satu bukti jelas daripada al-Maidah (5):8.

Dalam Belanjawan 2026, paradigma keadilan dipamerkan menerusi beberapa peruntukan inklusif. Teras Ketujuh memperuntukkan kebajikan kepada Orang Asli (perenggan 154–156), termasuk projek baik pulih rumah, penyerahan bakul makanan dan inisiatif e-DOA (*Education Demi Orang Asli*), manakala pembinaan Rumah Rakyat Pahang Kuota Orang Asli Fasa 5 (perenggan 121) menunjukkan keadilan dalam akses perumahan. Sumbangan RM1,000 kepada setiap mualaf (perenggan 144) pula menyokong saudara baharu, satu kategori yang seringkali terabai dalam sistem kebajikan negara sekular.

2. Surah al-Hashr: (59:7)- Kekayaan Tidak Boleh Beredar dalam Kalangan Orang Kaya Sahaja

مَا أَفَاءَ اللّٰهُ عَلَىٰ رَسُوْلِهِ مِنْ اَهْلِ الْفُرْىٰ فَلِلّٰهِ وَلِلرَّسُوْلِ وَلِذِى الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِيْنَ وَابْنِ السَّبِيْلِ كَىٰ لَا يَكُوْنَ دُوْلَةً بَيْنَ الْاَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ ۚ وَمَا اَتَاكُمُ الرّسُوْلُ فَخُذُوْهُ وَمَا حَصَرَكُمْ عَنْهُ فَاتَّخِذُوْهُ ۚ وَاتَّقُوا اللّٰهَ ۚ إِنَّ اللّٰهَ شَدِيْدُ الْعِقَابِ

Maksudnya: Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya.

Walaupun konteks asalnya berkaitan harta *jay'* yang diperoleh tanpa peperangan, para fuqaha menganggap ayat ini sebagai *asl* yang menggariskan prinsip ekonomi keadilan dalam Islam. Ibn Kathir (1999) menjelaskan bahawa ungkapan *kay la yakuna dulatan* menuntut agar harta tidak hanya beredar dalam kalangan golongan kaya, sebaliknya tersebar merata kepada kaum kerabat, anak yatim, orang miskin dan *ibn al-sabil*. Sayyid Qutb (2003) menyifatkannya sebagai ungkapan

padat falsafah ekonomi Islam, manakala Quraish Shihab (2002) menegaskan bahawa sistem ekonomi mesti memastikan pertukaran kekayaan menyentuh seluruh lapisan masyarakat, bukan terhenti pada golongan kaya.

Dalam tradisi *Siyasah Shar'iyah* moden, al-Qaradawi (1998) mengaitkan ayat ini dengan kewajipan negara menyediakan jaringan keselamatan sosial menerusi pengagihan zakat dan sokongan kepada golongan rentan, manakala Auda (2008) menuntut agar setiap belanjawan mengandungi mekanisme nyata untuk mengagihkan kekayaan kepada lapisan bawah. Muslim et al. (2024) mencatatkan bahawa fasal-fasal zakat dalam Hukum Kanun Pahang memastikan kutipan dan agihan dilakukan secara berperaturan dengan Sultan sebagai pengawas tertinggi, satu bukti bahawa prinsip *kay la yakuna dulatan* telah dilembagakan dalam pentadbiran kewangan Pahang sejak abad ke-16.

Dalam Belanjawan 2026, kesinambungan prinsip ini menonjol menerusi pengembalian 40 peratus bajet kepada rakyat dan keseluruhan Inisiatif Makmur Pahang sebanyak RM63.83 juta yang dipecahkan kepada empat kluster. Kluster Pelajar menyasarkan pemerataan akses pendidikan menerusi bantuan buku rujukan, bantuan makanan pelajar miskin tegar dan insentif kecemerlangan, manakala Kluster B40 menyalurkan bantuan kepada petani dan nelayan. Program Air Percuma *Pahang 1st* memberi manfaat kepada 472,000 pengguna dengan peruntukan RM43 juta, peningkatan 53.6 peratus berbanding 2025 (perenggan 116). Kesemuanya boleh dibaca sebagai pelaksanaan praktikal prinsip ekonomi keadilan dalam al-Hashr (59):7, dengan analisis kritikal lanjut dibentangkan dalam bahagian Perbincangan.

3. Surah al-Nahl: (16:90) - Adil dan Ihsan

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya.

Ibn Kathir (1999) menyifatkan ayat ini sebagai antara yang paling menyeluruh dalam al-Quran kerana menghimpunkan segala kebaikan dan menolak segala keburukan, dengan menafsirkan *al-'adl* sebagai menunaikan kewajipan secara saksama dan *al-ihsan* sebagai berbuat lebih daripada yang dituntut. Quraish Shihab (2002) menegaskan bahawa dalam kehidupan bermasyarakat keadilan lebih utama, kerana ihsan tanpa keadilan boleh membawa pilih kasih. Hamka (1982) pula membacanya sebagai ringkasan tatatertib hidup bermasyarakat yang merangkumi tiga arahan positif iaitu adil, ihsan dan memberi kepada kerabat, serta tiga larangan iaitu kekejian, kemungkaran dan kezaliman.

Dalam Belanjawan 2026, dimensi *'adl* dan *ihsan* terlihat dalam inisiatif yang melangkaui pemenuhan hak asas. Program Berkhatan Anak Pahang untuk anak golongan mualaf dan Orang Asli (perenggan 146) merupakan contoh ihsan kerana memberi lebih daripada hak undang-undang, sementara perluasan kad kesihatan warga emas dan OKU kepada pesara ATM dan PDRM menerusi Program Kasih Makmur (perenggan 149) mengiktiraf golongan veteran. Program Permata Makmur bagi setiap kelahiran baharu (perenggan 150) pula merupakan ihsan kepada ibu bapa muda.

4. Hadis Ma'qil bin Yasar - Pemimpin yang Khianat

Sabda Rasulullah SAW:

مَا مِنْ عَبْدٍ اسْتَرْعَاهُ اللَّهُ رَعِيَةً فَلَمْ يَحْطُهَا بِنَصِيحَةٍ إِلَّا لَمْ يَجِدْ رَائِحَةَ الْجَنَّةِ

Maksudnya: Tidaklah seorang hamba yang diamanahkan oleh Allah untuk memimpin sesuatu golongan rakyat, lalu dia tidak memeliharanya dengan ketulusan (nasihat dan kesungguhan),

melainkan dia tidak akan mencium bau syurga. (al-Bukhari, 2001, No. 7150; Muslim, 1991, No. 142. Muttafaq 'alayh)

Al-Nawawi (1996) menafsirkan bahawa ungkapan *lam yabuthba bi nasibah* membawa maksud luas, kerana *nasibah* dalam tradisi hadis tidak terhad kepada nasihat lisan, sebaliknya merangkumi ketulusan hati, kesungguhan menunaikan amanah dan keprihatinan terhadap kebajikan rakyat, selaras dengan sabda Rasulullah SAW bahawa agama itu nasihat. Tafsiran ini turut mencakupi segala bentuk khianat amanah, daripada manipulasi kewangan negara dan perlindungan rasuah sehingga pemecahbelahan masyarakat untuk kepentingan politik peribadi. Hadis ini memberi dimensi akhirat yang berat kepada paksi Syariat, iaitu pemerintahan bukan peluang peribadi tetapi beban yang berkesudahan di alam akhirat.

Dalam konteks Pahang, kenyataan Menteri Besar bahawa Kerajaan Negeri tetap memilih jalan istiqamah dengan melangkah tenang dan tertib (perenggan 28), serta iltizam terhadap tadbir urus berintegriti yang dibuktikan Sijil Audit Tanpa Teguran 2024 (perenggan 19), boleh dibaca sebagai usaha menjauhi sifat khianat yang diperingatkan dalam hadis Ma'qil bin Yasar. Hadis itu turut mengingatkan bahawa pencapaian audit kewangan sahaja tidak mencukupi, kerana akauntabiliti yang lebih dalam ialah ketulusan niat dan pelaksanaan untuk maslahat rakyat.

Sintesis Tema Syariat menunjukkan bahawa paksi keadilan dan pengagihan harta dalam al-Quran dan al-Sunnah, sebagaimana yang dirumuskan dalam al-Maidah (5):8, al-Hashr (59):7, al-Nahl (16):90 dan hadis Ma'qil bin Yasar, mempunyai kesinambungan dengan struktur pengagihan dalam Hukum Kanun Pahang dan dengan beberapa teras Belanjawan 2026. Keselarasan ini paling ketara pada Teras Ketujuh (Menyejahterakan Rakyat) menerusi pelaksanaan Inisiatif Makmur Pahang.

Tema Adat: Khalifah, Kelestarian dan Keseimbangan dengan Alam

Tema Adat dalam kerangka *Fiqh al-Watan* tidak terhad kepada upacara dan resam Melayu dalam pengertian sempit, sebaliknya merangkumi keseluruhan hubungan manusia dengan alam, tempat dan keseimbangan ekologi (Wan Ahmad Fauzi, 2023a; IIDM-MUIP, 2025). Tiga ayat dipilih, iaitu al-Baqarah (2):30 tentang istikhlaf manusia sebagai khalifah, al-A'raf (7):96 tentang keberkatan negeri yang beriman, dan al-Rum (30):41 tentang kerosakan akibat tangan manusia, serta hadis Anas bin Malik tentang menanam pokok sebagai sedekah jariah.

1. Surah al-Baqarah: (2:30) - Istikhlaf sebagai Mandat Asasi

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۖ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۖ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.” Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): “Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?” Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.”

Ibn Kathir (1999) menjelaskan bahawa konsep *khalifah* dalam ayat ini membawa makna ganda, iaitu manusia sebagai pengganti makhluk terdahulu dan, lebih utama, sebagai wakil Allah dalam mengurus bumi menurut hukum-Nya. Sayyid Qutb (2003) menyifatkan *istikhlaf* sebagai amanah kosmik ke atas seluruh ciptaan, manakala Auda (2008) memperluasnya ke domain dasar awam dengan mencadangkan bahawa setiap dasar negara Muslim moden seharusnya memenuhi mandat ini, iaitu pemeliharaan bumi (*hifz al-ard*) sebagai tambahan kepada lima objektif klasik *maqasid*.

Hukum Kanun Pahang merakamkan kesedaran ini menerusi peruntukan yang meletakkan Sultan sebagai khalifah Allah di bumi Pahang. Petikan kanun (Wan Ahmad Fauzi, 2023a)

menyebut bahawa Sultan dijadikan daripada umat Nabi Muhammad dan dititahkan berbuat adil serta melakukan *amr bi al-ma'ruf wa nahy 'an al-munkar*, maka jadi teranglah segala alam dengan cahaya agamanya. Ungkapan ini menunjukkan bahawa konsep khalifah dalam kanun bukan sekadar konsep politik tetapi konsep kosmik yang menghubungkan pemerintahan dengan keseluruhan alam, satu pemahaman yang digambarkan Wan Ahmad Fauzi (2026) sebagai *watonic constitutionalism*.

Dalam Belanjawan 2026, dimensi *istikhlaf* dicerminkan dalam Teras Kedua dan Teras Keempat yang menumpukan pengurusan sumber alam secara mampan. Peruntukan untuk Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Pahang (PHALANT) mengoperasikan mandat istikhlaful dalam pengertian pemeliharaan tanah, manakala peruntukan untuk Yayasan Pahang dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang yang berperanan dalam pembangunan modal insan dan harta wakaf merangkumi dimensi pemeliharaan akal dan harta.

2. Surah al-A'raf: (7:96) - Keberkatan Negeri yang Beriman

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Maksudnya: Dan (Tuhan berfirman lagi): “Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu-pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.”

Menurut Quraish Shihab (2002), ayat ini menggariskan bahawa keberkatan sesebuah negeri tidak ditentukan oleh kekayaan sumber atau kekuatan politik semata-mata, sebaliknya oleh tahap iman dan ketakwaan penduduknya. Hamka (1982) memperluas *barakat* ini kepada kemakmuran ekonomi, kesejahteraan sosial dan kelestarian alam yang kesemuanya bersandar pada paksi rohani masyarakat, manakala Ibn 'Ashur (2006) menjadikannya sandaran teologi bagi konsep *baladun tayyibah*.

Hukum Kanun Pahang menjadikan iman dan takwa sebagai asas pemerintahan secara langsung, dengan meletakkan pemeliharaan agama sebagai tanggungjawab utama Sultan dan pegawai negeri (Wan Ahmad Fauzi, 2023a). Dalam Belanjawan 2026, paksi ini tercermin dalam tema keseluruhan *Pahang 1st*: Rakyat Didahulukan, Kemakmuran Dipertahankan, yang menggabungkan keutamaan rohani dan ekonomi. Peruntukan RM235.95 juta untuk hal ehwal agama Islam (perenggan 26) di samping peruntukan pembangunan ekonomi menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri tidak menganggap kedua-dua dimensi ini bertentangan, sebaliknya saling menyokong dalam mencapai keberkatan *baladun tayyibah*.

3. Surah al-Rum: (30:41) - Kerosakan Akibat Tangan Manusia

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Maksudnya: Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).

Ibn 'Ashur (2006) menjelaskan bahawa *fasad* dalam ayat ini bukan sekadar kerosakan moral, sebaliknya merangkumi kerosakan ekologi di darat dan laut akibat eksploitasi melampau manusia. Al-Qaradawi (2001) menyusun secara sistematik nas al-Quran dan al-Sunnah tentang pemeliharaan alam dan meletakkan asas teologi bagi pemikiran alam sekitar Islam, manakala Auda (2008) mencadangkan ayat ini sebagai dasar konseptual bagi objektif *maqasid* baharu, iaitu *hifz al-bi'ah*, yang mewajibkan pemerintah mempertimbangkan kesan ekologi dalam setiap dasar pembangunan.

Hukum Kanun Pahang menjadikan Alam Sekitar sebagai salah satu daripada tiga tonggak *Fiqh al-Watan* menurut kajian IIDM-MUIP (2025). Fasal-fasal kanun berkaitan pengurusan laut, sungai dan hutan membuktikan bahawa kesedaran ekologi telah sedia ada dalam pemerintahan Pahang abad ke-16, walaupun istilah moden seperti kelestarian belum muncul (Muslim et al., 2024). Dalam Belanjawan 2026, dimensi ini dinilai menerusi peruntukan RM18.6 juta untuk Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Pahang bagi mengawal konflik manusia-hidupan liar (perenggan 81–82) dan RM26.59 juta untuk Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Negeri Pahang (perenggan 75), satu komitmen langsung terhadap pemeliharaan alam dalam *maqasid* kontemporari.

4. Hadis Anas bin Malik -Menanam Pokok sebagai Sedekah Jariah

Sabda Rasulullah SAW:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ بَغَرَسَ غَرْسًا أَوْ بَزَرَ زَرْعًا فَبَاكُلَ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ بَيْمَةٌ إِلَّا كَانَ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ

Maksudnya: Tidaklah seorang Muslim menanam tanaman atau menyemai benih lalu burung, manusia atau binatang memakan daripadanya, melainkan ia menjadi sedekah baginya. (al-Bukhari, 2001, No. 2320; Muslim, 1991, No. 1553. Muttafaq ‘alayh)

Ibn Hajar al-‘Asqalani (2001) menghuraikan hadis ini sebagai dorongan langsung kepada kerja pertanian dan pemeliharaan biodiversiti, dengan pahala sedekah jariah yang berterusan selama pokok itu hidup walaupun setelah penanam meninggal dunia. Dibaca bersama Surah al-Rum (30):41, hadis ini membentuk asas keagamaan yang kukuh bagi dasar pemeliharaan alam sebagai dimensi ibadah dalam tadbir urus Islam, dan inisiatif penghijauan serta agroperhutanan dalam Belanjawan 2026 boleh dilihat sebagai pelaksanaan praktikalnya.

Jadual 2: Matriks Padanan Tiga Lapis: Nas Wahyu, Hukum Kanun Pahang dan Belanjawan Pahang 2026

Tema	Nas Wahyu (Lapisan I)	Hukum Kanun Pahang (Lapisan II)	Belanjawan Pahang 2026 (Lapisan III)
Daulah	al-Nisa’ (4):58 — <i>amanah</i> ; al-Shura (42):38 — <i>musyawarah</i> ; al-Hajj (22):41 — empat tugas teras; Hadis Ibn ‘Umar (Bukhari 7138; Muslim 1829) — <i>kullukum ra’in</i>	Sultan sebagai pelaksana <i>amr bi al-ma’ruf naby ‘an al-munkar</i> ; struktur mangkubumi-bendahari-temenggung; pengurusan kewangan negeri	Teras 1 (memartabat agama, RM235.95 juta); Teras 5 (tadbir urus berintegriti, Sijil Audit Tanpa Teguran 2024); Teras 7 (Kasih Makmur)
			Insentif <i>Pahang 1st</i> RM700 untuk 4,000 kakitangan persekutuan (RM2.8 juta); Bantuan Khas Kewangan kakitangan negeri 1 bulan gaji
Syariat	al-Maidah (5):8 — keadilan tanpa tolak ansur; al-Hashr (59):7 — kekayaan tidak beredar dalam kalangan kaya; al-Nahl (16):90 — adil dan ihsan; Hadis Ma’qil (Bukhari 7150; Muslim 142)	Fasal jenayah, sivil, percukaian dan zakat; struktur peradilan berperingkat (Sultan-qadi-penghulu); kanun laut	Inisiatif Makmur Pahang RM63.83 juta dalam empat kluster; Air Percuma RM43 juta (472,000 pengguna); pengembalian 40% bajet kepada rakyat
			Bantuan B40 (RM200 petani/nelayan); Bantuan Buku SPM/STPM/STAM (RM3.5 juta); Sumbangan mualaf RM1,000 (RM2 juta)
Adat	al-Baqarah (2):30 — <i>istikhlaf</i> ; al-A’raf (7):96 — <i>barakat</i> negeri beriman; al-Rum (30):41 — fasad ekologi; Hadis Anas (Bukhari 2320; Muslim 1553) — menanam pokok	Sultan sebagai khalifah Allah; tonggak Kesultanan-Adat-Alam Sekitar; pengurusan tanah, sungai dan hutan	Teras 1 (warisan budaya); Teras 2 & 4 (pertumbuhan mampan, pertanian asas tani); LESTARI RM26.59 juta; PERHILITAN RM18.6 juta
			Peruntukan untuk Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Pahang (PHALANT) untuk pembangunan tanah; Yayasan

Jadual 2 menunjukkan matriks pemetaan tiga lapis yang menghubungkan nas al-Quran dan hadis dengan Hukum Kanun Pahang serta Belanjawan Pahang 2026. Matriks ini dibentuk berdasarkan kerangka analisis tematik terhadap korpus al-Quran dan al-Sunnah, penelitian sumber sekunder Hukum Kanun Pahang, serta rujukan silang dokumen rasmi Belanjawan Pahang 2026, dengan berpanduan sorotan kajian oleh Wan Ahmad Fauzi (2023a), Muslim et al. (2024), dan Yaakub (2003).

PERBINCANGAN

Sintesis Tiga Tema dan *Maqasid al-Shari'ah*

Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga tema teras *Daulah*, Syariat dan Adat mempunyai sandaran nas yang kukuh dalam al-Quran dan al-Sunnah, tercermin dalam pengkanunan Hukum Kanun Pahang abad ke-16, dan kekal sebagai paksi pelaksanaan Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2026. Apabila dipetakan kepada lima objektif klasik *Maqasid al-Shari'ah* (al-Ghazali, t.t.; al-Shatibi, 1997), tema *Daulah* berkait dengan *hifẓ al-din* menerusi pemartabatan agama dan *amr bi al-ma'ruf nahi 'an al-munkar*, tema Syariat dengan *hifẓ al-mal* dan *hifẓ al-nafs*, manakala tema Adat dengan *hifẓ al-'aql* dan *hifẓ al-nasl*. Pemetaan ini selari dengan kerangka sistematik yang dicadangkan Auda (2008) untuk pengaplikasian *maqasid* kepada dasar awam moden.

Sintesis ini memberikan dua sumbangan utama. Pertama, ia membuktikan bahawa kerangka *maqasid* bukan satu konstruk teori abstrak, sebaliknya satu instrumen analisis yang boleh dipetakan kepada dasar fiskal yang konkrit. Kedua, ia menunjukkan bahawa Hukum Kanun Pahang berfungsi sebagai jambatan hermeneutik antara nas wahyu dan dasar moden, menyediakan satu kesinambungan watan yang membolehkan dasar 2026 dibaca sebagai pewarisan tradisi syariah Pahang yang menghampiri usia 556 tahun, bukan sebagai inovasi terpencil.

Daripada Aspirasi kepada Pelaksanaan

Sintesis di atas menunjukkan keselarasan tematik antara nas wahyu, kanun watan dan dasar fiskal dalam Belanjawan 2026. Walau bagaimanapun, keselarasan pada peringkat tema tidak semestinya menjelma sebagai keselarasan pada peringkat hasil yang dirasai rakyat, dan jurang inilah yang menjadi tumpuan bahagian ini. Jurang sebegini bukan khusus kepada Pahang, sebaliknya cabaran lazim apabila prinsip *Maqasid al-Shari'ah* diterjemahkan ke dalam kerangka negara moden. Hallaq (2013) mengingatkan bahawa penerapan *maqasid* kepada negara moden harus disertai kesedaran terhadap perbezaan asas antara pemerintahan *siyasi* pra-moden dan negara bangsa hari ini, maka jurang antara aspirasi dan pelaksanaan ini adalah dijangka dan bukan tanda kelemahan pentadbiran. Bahagian ini membincangkan tiga aspek yang wajar diperhalusi, seterusnya menggariskan ruang penyelidikan lanjutan.

Aspek pertama berkaitan hubungan antara perbelanjaan mengurus dan pembangunan, iaitu keutamaan *maslahah* dalam kekangan fiskal. Belanjawan 2026 memperuntukkan RM1.274 bilion bagi perbelanjaan mengurus berbanding RM446.26 juta bagi pembangunan, nisbah kira-kira 2.86:1 (Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang, 2025). Pada pandangan awal, nisbah ini seolah-olah meletakkan penyelenggaraan keperluan sedia ada melebihi pelaburan jangka panjang yang dituntut *maslahah ummah* (al-Mawardi, 1996; al-Qaradawi, 1998). Namun tafsiran ini perlu dilihat dalam dua konteks. Pertama, dalam struktur kewangan persekutuan, kerajaan negeri menanggung sebahagian besar kos mengurus seperti emolumen, manakala kebanyakan projek pembangunan berskala besar dibiayai Kerajaan Persekutuan. Kedua, perbelanjaan mengurus turut merangkumi pemberian dan bantuan yang sebahagiannya merupakan agihan terus kepada rakyat. Oleh itu, persoalan *maqasid* yang lebih tepat bukan

mengapa perbelanjaan mengurus lebih tinggi, sebaliknya berapa banyak daripadanya yang benar-benar menyumbang kepada pemeliharaan lima keperluan asas (*al-daruriyyat al-khamsah*), satu tugas klasifikasi yang berada di luar skop dokumen belanjawan dan menuntut kajian lanjutan.

Aspek kedua menyentuh agihan manfaat pelaburan, iaitu sejauh mana manfaat benar-benar sampai kepada rakyat tempatan. Belanjawan 2026 melaporkan pelaburan komited RM18.04 bilion bagi 2025, melepasi sasaran RM14.09 bilion (Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang, 2025: perenggan 53), dengan RM15.01 bilion pelaburan langsung asing dan RM3.03 bilion pelaburan langsung domestik. Dari sudut pertumbuhan KDNK, pencapaian ini membanggakan. Namun prinsip *kay la yakuna dulatan* dalam al-Hashr (59):7 mengajak kita melihat bukan sekadar jumlah pelaburan, tetapi limpahan manfaatnya kepada rakyat dalam bentuk gaji, kontrak vendor tempatan dan peluang pekerjaan bernilai tinggi, berbanding sekadar berlegar dalam ekonomi terkepung yang menguntungkan modal luar. Persoalan ini bukan tuduhan terhadap dokumen belanjawan, kerana belanjawan ialah instrumen perancangan dan tidak direka untuk merakam kesan sebenar pelaburan selepas dilaksanakan. Jawapannya menuntut analisis di peringkat firma berdasarkan data guna tenaga dan rantai bekalan daripada sumber seperti Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Dengan kata lain, aspek ini memperhalusi ukuran kejayaan daripada jumlah pelaburan kepada agihan faedahnya, selaras dengan tuntutan *maqasid* yang ditekankan belanjawan itu sendiri.

Aspek ketiga, dan yang paling asas, berkaitan dengan hubungan antara retorik *maqasid* dan keupayaan mengukur pelaksanaannya. Pengakuan Menteri Besar bahawa Kerajaan Negeri “sentiasa membudayakan prinsip *Maqasid Syariah*” (perenggan 13) merupakan komitmen yang bermakna, tetapi nilainya bergantung pada kewujudan alat pengukuran yang menterjemahkan komitmen tersebut kepada penanda aras yang boleh dinilai. Tanpa alat sebegini, wujud risiko rujukan kepada *maqasid* menjadi simbolik semata-mata, iaitu apa yang disebut El-Gamal (2006) sebagai penggunaan label syariah untuk mengabsahkan amalan yang pada hakikatnya tidak berubah. Mengelakkan risiko ini menuntut peralihan daripada *maqasid* sebagai bahasa pengabsahan kepada *maqasid* sebagai rangka kerja penilaian dasar. Pendekatan sistem yang dianjurkan Auda (2008), serta indeks prestasi berasaskan *maqasid* yang dibangunkan dalam kajian kewangan Islam terkini, boleh dijadikan titik permulaan untuk membina petunjuk prestasi dasar negeri yang boleh diaudit secara berkala.

Berkaitan kaedah pengukuran, ia berkait rapat dengan akauntabiliti institusi. Inisiatif seperti Sesi Libat Urus e-Rakyat dan Anugerah *Pahang 1st* (perenggan 100–101) memperluas saluran maklum balas antara kerajaan dengan rakyat. Walau bagaimanapun, saluran maklum balas berbeza daripada mekanisme akauntabiliti, kerana yang pertama membolehkan rakyat didengar manakala yang kedua membolehkan rakyat menyoal dan menuntut pertanggungjawaban. Dalam tradisi pemerintahan Islam klasik, kedua-dua fungsi ini dilembagakan menerusi *hisbah* dan *mazalim* (al-Mawardi, 1996), masing-masing memantau ketelusan pentadbiran dan menyediakan saluran aduan terhadap pegawai yang mengkhianati amanah. Belanjawan Pahang 2026 belum menyediakan padanan moden kepada kedua-dua fungsi ini. Daripada perbincangan ini terbit satu cadangan dasar, iaitu penubuhan sebuah badan bebas yang menggabungkan audit syariah, bagi memastikan dasar dan perbelanjaan selari dengan *Maqasid al-Shari'ah*, dan ombudsman, bagi menerima dan menyalurkan aduan rakyat. Badan sebegini menjadi pelengkap kepada gagasan *Daulah* kerana ia memberi rakyat bukan sahaja ruang bersuara, malah kuasa sebenar untuk menuntut pertanggungjawaban, seterusnya mengalihkan komitmen *maqasid* daripada aspirasi kepada amalan yang boleh diukur.

Perbincangan tiga aspek ini bukan bertujuan menafikan dapatan utama kajian, sebaliknya memperhalusinya. Keselarasan tematik antara nas wahyu, kanun watan dan dasar fiskal yang ditunjukkan dalam Belanjawan 2026 merupakan satu pencapaian yang bermakna pada peringkat aspirasi dan rangka dasar. Namun, keselarasan pada peringkat hasil seperti agihan manfaat, keutamaan maslahat, dan akauntabiliti yang boleh diukur masih merupakan ruang terbuka yang menuntut alat, data dan institusi yang belum sepenuhnya terbina. Oleh itu, ketiga-tiga aspek ini lebih wajar difahami bukan sebagai kelemahan belanjawan, tetapi sebagai agenda penyelidikan

dan penambahbaikan dasar yang lahir secara semula jadi daripada kerangka *maqasid* yang menjadi sandaran kajian ini. Pendekatan inilah yang mengukuhkan kajian sebagai analisis akademik yang menilai berdasarkan piawai dalaman subjeknya, dan bukan sebagai pengabsahan dasar mahupun penentangan terhadapnya.

KESIMPULAN

Kajian ini menganalisis dasar tadbir urus Negeri Pahang dengan menumpukan kepada Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2026 menerusi tiga tema teras *Fiqh al-Watan*, iaitu *Daulah*, Syariat dan Adat. Menerusi kaedah Analisis Kerangka, sembilan ayat al-Quran terpilih dan tiga hadis sahih disaring sebagai data primer, dipetakan kepada peruntukan Hukum Kanun Pahang sebagai sumber sekunder, dan dirujuk silang dengan teras belanjawan kontemporari. Dapatan menunjukkan bahawa ketiga-tiga tema ini mempunyai sandaran nas yang kukuh, tercermin dalam pengkanunan Hukum Kanun Pahang sejak abad ke-16, dan kekal berfungsi sebagai paksi pelaksanaan Belanjawan 2026. Sumbangan kajian ini terletak pada pembinaan penghubung tiga lapis antara teks wahyu, kanun watan dan dasar fiskal semasa, yang memperlihatkan kesinambungan tradisi tersebut dalam realiti tadbir urus moden Negeri Pahang, selari dengan pengiktirafan antarabangsa terhadap Hukum Kanun Pahang menerusi syarahan Tunku Ampuan Pahang di Universiti Oxford pada November 2025.

Berdasarkan analisis kritikal tersebut, beberapa implikasi dasar utama dicadangkan untuk dipertimbangkan dalam perumusan belanjawan negara pada masa hadapan. Pertama, kerangka *Daulah*-Syariat-Adat boleh dijadikan instrumen penilaian sistematik dalam proses penyediaan belanjawan berasaskan pendekatan sistem kepada *maqasid* dan kerangka *al-qawiy al-amin* bagi menilai dimensi kompetensi, integriti, serta akauntabiliti pelaksana dasar. Kedua, peruntukan RM3 juta bagi Program Pemerkasaan *Fiqh al-Watan* dalam Belanjawan 2026 (perenggan 32) merupakan langkah strategik yang perlu dikembangkan melalui pelaburan intensif dalam penyelidikan akademik, penerbitan ilmiah, dan latihan pegawai tadbir. Ketiga, Hukum Kanun Pahang wajar dijadikan sumber rujukan formal dalam program latihan kepimpinan penjawat awam negeri, seperti di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) cawangan Pahang, bagi menyuntik jati diri profesionalisme dan mengukuhkan dimensi watan dalam praktik birokrasi moden.

Kajian ini mempunyai keterbatasan kerana skopnya menumpukan secara mikro kepada korpus bertulis Belanjawan Negeri Pahang 2026 dan teks perundangan tradisional Hukum Kanun Pahang menerusi analisis kandungan kualitatif oleh pengkaji tunggal. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan memperluas analisis perbandingan dasar fiskal ini merentasi negeri-negeri Melayu lain yang mempunyai kanun bertulis tradisi, seperti Melaka, Kedah dan Johor, bagi membina model tadbir urus watan peringkat kebangsaan yang lebih komprehensif. Penggunaan kaedah campuran menerusi temu bual mendalam bersama pegawai tadbir negeri turut digalakkan bagi menguji tahap penerimaan birokrasi, di samping penilaian impak jangka panjang untuk mengaudit keberhasilan sebenar peruntukan dana *Fiqh al-Watan* yang telah dilaksanakan.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Sekolah Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim dan Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia atas sokongan akademik sepanjang penyediaan manuskrip ini. Penghargaan istimewa ditujukan kepada Institut Ilmu Darul Makmur Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (IIDM-MUIP) atas inspirasi yang dihasilkan menerusi Pelawaan Penulisan Makalah dan dokumentasi *Fiqh al-Watan* yang menjadi asas pemikiran kajian ini, walaupun penulis tidak menerima sebarang pembiayaan atau hubungan institusional dengan IIDM-MUIP.

SUMBANGAN PENGARANG

Konseptualisasi, Z.M.T.; metodologi, Z.M.T.; analisis dokumen, Z.M.T.; siasatan, Z.M.T.; sumber, Z.M.T.; pengurusan data, Z.M.T.; penulisan—draf asal, Z.M.T.; penulisan—semakan dan suntingan, Z.M.T. Penulis telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan secara terbuka bahawa kajian ini disediakan sempena Pelawaan Penulisan Makalah IIDM-MUIP 2026 sebagaimana diumumkan menerusi Belanjawan Negeri Pahang 2026. Walau bagaimanapun, penulis (a) tidak menerima sebarang pembiayaan, geran, honorarium, atau insentif kewangan daripada IIDM-MUIP, Kerajaan Negeri Pahang, atau mana-mana entiti berkaitan sepanjang penyediaan manuskrip; (b) tidak mempunyai sebarang hubungan pekerjaan, perundingan atau penyeliaan dengan IIDM-MUIP atau Kerajaan Negeri Pahang; dan (c) telah memastikan bahawa analisis kritikal dalam bahagian Perbincangan, termasuk identifikasi aspek kritikal antara aspirasi dan pelaksanaan sebenar, tidak dihadkan oleh sebarang pertimbangan luaran. Penghantaran manuskrip ini kepada *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah* berlaku selari dengan proses pertandingan penulisan tersebut, dan penilaian akademik artikel ini bergantung sepenuhnya kepada mekanisme *peer review* jurnal.

PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia atau haiwan. Semua data yang dianalisis adalah dokumen yang boleh diakses umum, iaitu al-Quran al-Karim, koleksi hadis sahih (*Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*), karya tafsir dan fiqh klasik, penerbitan akademik berwasit, serta dokumen rasmi Belanjawan Negeri Pahang 2026. Tiada maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti dikumpul atau dianalisis. Oleh itu, kelulusan etika tidak diperlukan.

PERNYATAAN TEKS YANG DIHASILKAN OLEH KECERDASAN BUATAN (AI)

Sepanjang penyediaan kerja ini, penulis menggunakan Claude (Anthropic) sebagai alat bantuan dalam pengeditan bahasa, pengesahan rujukan, penyusunan jadual analisis tematik, dan penyemakan format APA 7. Penulis telah menyemak, mengesahkan dan menyunting kandungan sepenuhnya, serta memikul tanggungjawab penuh terhadap keseluruhan kandungan penerbitan ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Sumbangan asal yang dibentangkan dalam kajian ini telah disertakan dalam artikel/bahan tambahan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada penulis korespondan.

RUJUKAN

- Auda, J. (2008). *Maqasid al-Shari'ah as philosophy of Islamic law: A systems approach*. International Institute of Islamic Thought.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>.
- Al-Bukhari, M. b. I. (2001). *Sahih al-Bukhari* (M. Z. al-Nasir, Ed.). Dar Tawq al-Najah.
- El-Gamal, M. A. (2006). *Islamic finance: Law, economics, and practice*. Cambridge University Press.
- Al-Farmawi, A. H. (1977). *Al-Bidayah fi al-tafsir al-mawdu'i: Dirasah manhajiyah mawdu'iyah*. Matba'at al-Hadarah al-'Arabiyyah.
- Gale, N. K., Heath, G., Cameron, E., Rashid, S., & Redwood, S. (2013). Using the framework method for the analysis of qualitative data in multi-disciplinary health research. *BMC Medical Research Methodology*, 13(1), 117. <https://doi.org/10.1186/1471-2288-13-117>.
- Al-Ghazali, A. H. (t.t.). *Al-Mustasfa min 'ilm al-usul*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Hallaq, W. B. (2013). *The impossible state: Islam, politics, and modernity's moral predicament*. Columbia University Press.
- Hamka. (1982). *Tafsir al-Azhar*. Pustaka Nasional.
- Haziyyah, H., Muhammad Khairi, A.A., & Sahlawati, A.B. (2025). Konsep qawiy al-amin dalam al-Quran sebagai kerangka teori menangani krisis tadbir urus. *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 10(2), 56–66. <https://doi.org/10.17576/turath-2025-1002-05>
- Ibn 'Ashur, M. T. (2006). *Treatise on Maqasid al-Shari'ah* (M. el-Tahir el-Mesawi, Trans.). International Institute of Islamic Thought.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, A. (2001). *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Dar al-Salam.
- Ibn Kathir, I. (1999). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Dar Tayyibah.
- Ibn Qayyim, J. M. (1953). *Al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Shar'iyah*. Maktabah al-Mu'ayyad.
- IIDM-MUIP. (2025). *Pelawaan penulisan makalah IIDM-MUIP 2026: Tema Pahang Darul Makmur—Daulah Islam berdaulat, bersyariat dan beradat*. Institut Ilmu Darul Makmur, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.
- Istana Pahang. (2025, November 14). KDPB Tengku Ampuan Pahang lakar sejarah bentang syarahan di Universiti Oxford, United Kingdom. Diambil daripada <https://istanapahang.my/kdpb-tengku-ampuan-pahang-lakar-sejarah-bentang-syarahan-di-universiti-oxford-united-kingdom/>

- Kamali, M. H. (2008). *Shari'ah Law: An Introduction*. Oneworld Publications.
- Al-Khalidi, S. A. F. (1997). *Al-Tafsir al-Mawdu'i bayna al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*. Dar al-Nafa'is.
- Mahmood Zuhdi, A.M. (1994). *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Mawardi, A. H. (1996). *Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muslim, M. b. al-Hajjaj. (1991). *Sabih Muslim* (M. F. 'Abd al-Baqi, Ed.). Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Muslim, N., Mohamed, A. F., & Arham, A. F. (2024). From the past to the present: The enduring impact of Hukum Kanun Pahang (Pahang Laws) in Malaysian society. *Humanities and Social Sciences Communications*, 11, Article 811. <https://doi.org/10.1057/s41599-024-03281-1>
- Al-Nawawi, Y. (1996). *Al-Minhaj Sharh Sabih Muslim ibn al-Hajjaj*. Dar al-Khayr.
- Nur Hafilah, M., Nur Shafiqah, B., Abdul Muein, A., Muhammad Khairi, A.Z. & Mohd Izzat, A.M.A. (2025). Inisiatif pelaksanaan hudud di Malaysia: Analisis berdasarkan perlembagaan dan Maqasid Syariah. *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 10(2), 37–55. <https://doi.org/10.17576/turath-2025-1002-04>
- Oxford Podcasts. (2025, November 13). Pahang: The forgotten Malay-Islamic constitutional and maritime legacy [Audio podcast]. University of Oxford. Diambil daripada <https://podcasts.ox.ac.uk/pahang-forgotten-malay-islamic-constitutional-and-maritime-legacy>
- Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang. (2025). *Ucapan Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2026: Pahang 1st—rakyat didahulukan, kemakmuran dipertahankan*. Kerajaan Negeri Pahang.
- Al-Qaradawi, Y. (1998). *Al-Siyasah al-Shar'iyyah fi Daw' Nusus al-Shari'ah wa Maqasidiba*. Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradawi, Y. (2001). *Ri'ayat al-Bi'ah fi Shari'at al-Islam*. Dar al-Shuruq.
- Quraish Shihab, M. (2002). *Tafsir al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran*. Lentera Hati.
- Sayyid Qutb. (2003). *Fi Zilal al-Qur'an*. Dar al-Shuruq.
- Al-Shatibi, A. I. (1997). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Dar Ibn 'Affan.
- Al-Tabari, M. b. J. (2000). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil ay al-Qur'an* (A. M. Shakir, Ed.). Mu'assasat al-Risalah.
- Wan Ahmad Fauzi. W.H. (2017). *Pembentukan negara berdaulat menerusi Hukum Kanun Pahang* [Doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Wan Ahmad Fauzi. W.H. (2023a). *Hukum Kanun Pahang sebagai perlembagaan Melayu-Islam*. Penerbit UMP.
- Wan Ahmad Fauzi. W.H. (2023b). Keberlembagaan seksyen 498 Kanun Keseksaan menurut intipati syariah Hukum Kanun Pahang. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 11(2), 178–195. <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol11no2.692>
- Wan Ahmad Fauzi. W.H. (2026, Mac 30). Jurisprudens watan dan fiqh al-watan dalam penyahjajahan ilmu kolonial. *Dewan Masyarakat*. <https://dewanmasyarakat.jendeladbp.my/2026/03/30/35825/>
- Yaakub. I. (2003). *Hukum Kanun Pahang*. Yayasan Pahang.
- al-Zuhayli, W. (1991). *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*. Dar al-Fikr al-Mu'asir.